



SIARAN AKHBAR

PENUBUHAN KOMITI KEBANGSAAN MENANGANI KESAN KONFLIK TIMUR TENGAH DAN PERKEMBANGAN SEMASA

Jabatan Perdana Menteri, Hari Khamis, 9 Julai 2026

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telahpun sebelum ini menubuhkan sebuah jawatankuasa khas dikenali sebagai **Komiti Kebangsaan Menangani Kesan Konflik Timur Tengah** [Rujukan: Siaran Akhbar JPM bertarikh 3 Jun 2026].

Selaras dan berikutan titah perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Rombakan dan Pelantikan Menteri-Menteri Kabinet serta Timbalan-Timbalan Menteri yang baharu pada 4 Jun 2026, Terma Rujukan Komiti Kebangsaan Menangani Kesan Konflik Timur Tengah telahpun dengan ini dikemaskini, dengan perubahan seperti berikut:-

- Skop Komiti ini diperluaskan agar tidak terhad kepada konflik di Timur Tengah sahaja, dan berfungsi sebagai platform kebangsaan bagi menangani sebarang krisis atau kejutan luaran yang berpotensi menjejaskan daya tahan (*resilience*) dan keselamatan negara;
- Susulan perluasan skop berkenaan, Komiti ini telah dinamakan semula sebagai "**Komiti Kebangsaan Menangani Kesan Konflik Timur Tengah dan Perkembangan Semasa**";
- Pelantikan ahli-ahli turut dikemaskini, dimana Pengerusi Bersama terdiri daripada Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, dan Menteri Pertahanan II; Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi, dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri; dan Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia, dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Keanggotaan yang lain terdiri daripada Menteri-Menteri Kabinet yang



berkaitan bagi memastikan pendekatan menyeluruh kerajaan (*whole-of-government*).

Setakat ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam masih dapat menangani situasi ini dengan baik, dan akan terus memantau perkembangan semasa dengan teliti dan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian bagi memastikan kepentingan negara, kestabilan ekonomi dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam sentiasa terpelihara.

Pekembangan berkaitan dengan Komiti Kebangsaan ini akan dikongsikan dari masa ke semasa di laman sesawang Jabatan Perdana Menteri.